

13/12/1999

Strategi diatur elak politik di masjid (HL)

ruddin; Fazli Arman; Betty Subaryati; Ahmad Che Doh  
KLANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengenal pasti strategi untuk mengelakkan masjid dan surau dijadikan tempat menabur fitnah dan pembbohongan bagi kepentingan politik.

Perdana Menteri berkata, sebagai tempat beribadat dan merapatkan hubungan silaturahim umat Islam, masjid tidak seharusnya dicemarkan dengan kegiatan sedemikian.

"Kita nak kena cari jalan supaya ia tidak digunakan untuk menyebarkan fitnah dan pembbohongan yang mencemarkan masjid. Ia tempat kita sembahyang berjemaah, beribadah dan merapatkan hubungan silaturahim orang Islam.

"Jadi jangan digunakan untuk melemparkan fitnah, membuat tuduhan yang tidak berasas, termasuk kononnya kita ada hubungan dengan Israel dan macam-macam lagi yang bohong serta yang tidak baik," katanya dalam sidang akhbar petang ini selepas melawat kapal kontena terbesar dunia, Clifford Maersk, yang singgah di Pelabuhan Barat di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Dr Tan Kee Kwong, mengenai aduan orang ramai berhubung perbuatan Pas yang masih menyalahgunakan surau dan masjid.

Perangkaan menunjukkan kira-kira 90 peratus surau dan masjid di seluruh negara masih digunakan Pas untuk menabur fitnah, walaupun selepas pilihan raya umum 29 November lalu.

Mengulas isu yang sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, bagaimanapun yakin imam yang diperalatkan Pas tidak mungkin sampai 90 peratus, sebaliknya bilangannya agak kecil.

Namun, tegasnya, masjid atau surau tidak sepatutnya dijadikan platform parti politik sama ada Umno atau Pas.

"Masjid sepatutnya digunakan sebagai tempat beribadat dan mencari ilmu agama," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Di KANGAR, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata imam yang menerima elaun daripada kerajaan, seharusnya meletak jawatan jika ingin mencaci kerajaan.

"Bagi saya, imam itu patut membuat pilihan sama ada untuk berkhidmat dengan kerajaan atau mencaci kerajaan. Kalau mahu hentam kerajaan, elok lepaskan jawatan yang dibayar gaji oleh kerajaan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, setakat ini hanya seorang dua imam di Perlis dikesan menyokong pembangkang secara terbuka pada pilihan raya umum lalu, termasuk membenarkan seorang tokoh pembangkang berucap dalam masjid.

Katanya, perkara itu sudah dirujuk kepada Majlis Agama Islam Perlis (Maips) untuk tindakan lanjut.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad juga menasihatkan imam supaya berhenti segera menjadi alat parti pembangkang.

"Jika ingin berpolitik, lebih baik mereka meletakkan jawatan dan menjadi ahli politik sepenuh masa. Jika tidak, mereka hanya mencemarkan kesucian masjid dan surau," katanya.

Mohd Isa juga meminta jemaah di negeri ini melaporkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (Jains) jika mendapati masjid dan surau di kariah masing-masing disalahgunakan untuk berpolitik.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) berkata, setakat ini tiga imam di negeri itu dipecat kerana menyalahgunakan masjid untuk berpolitik sebelum pilihan raya umum lalu.

Di KOTA BHARU, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Maik) Kelantan menerima banyak aduan berhubung imam masjid yang secara sengaja

membaca teks khutbah Jumaat berunsur politik, termasuk memfitnah Kerajaan Pusat.

Setiausaha Maik, Rosli Yaacub berkata, kegiatan itu berkurangan selepas jabatan itu mengeluarkan amaran kepada imam yang dikenal pasti membaca khutbah tanpa menggunakan teks khutbah Jumaat yang disediakan Maik.

Maik juga mengedarkan siri kelapan teks khutbah Jumaat kepada 530 masjid di negeri ini, yang antara lain berbentuk nasihat supaya masyarakat Islam tidak berdendam selepas pilihan raya umum lalu.

Di KEPALA BATAS, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kariah Pulau Pinang, Jasmin Mohamed meminta jawatankuasa kariah di setiap daerah memastikan tidak ada pihak mempergunakan masjid untuk memecahbelahkan perpaduan penduduk dan mencaci kerajaan.

Beliau berkata, masjid tidak sesuai dicampuradukkan dengan kegiatan kurang sihat kerana ia memberi kesan buruk kepada ahli kariah.

(END)